

KONSERT KOIR DI SEKOLAH PENGGAJIAN SENI UMS, ESOK...

NSP 13.05.2012 12

SEKOLAH Pengajian Seni UMS akan menganjurkan sebuah Konsert Koir yang mana akan berlangsung pada tanggal 14 Mei 2012 (Isnin) bertempat di Dewan Resital Sekolah Pengajian Seni. Konsert ini dijangka bermula pada jam 7.30 malam.

Menurut Resot Iggau, Ketua Program Seni Muzik, SENI, UMS, konsert ini adalah percuma dan terbuka kepada semua warga Sabah yang berminat. Konsert ini bertujuan untuk mendedahkan para peminat seni

muzik kepada persembahan-persembahan koir yang menarik dari pelbagai tempat di seluruh Sabah.

Selain persembahan koir, terdapat juga persembahan vokal solo klasikal daripada beberapa orang berpengalaman luas dalam bidang ini.

Dijangka terdapat sebanyak 16 persembahan pada malam itu iaitu 11 persembahan daripada kumpulan koir manakala 5 lagi persembahan

solo. Antara kumpulan koir yang akan membuat persembahan adalah kumpulan koir dari St. Joseph Papar (Voice of Josephians), St. Francis Convent, SASS Tamparuli Choir, dan Vocal Ensemble SPS.

Konsert ini merupakan anjuran Program Muzik, Sekolah Pengajian Seni yang julung-julung kali dipersembahkan dan ia merupakan salah satu bentuk pendedahan terhadap perkembangan koir musik bentuk klasikal di negeri ini dan di

tanah air. Dekan Sekolah Pengajian Seni, Y.Bhg Prof. Madya Dr. Ismail Hj. Ibrahim merasa amat berbangga dan menyokong penuh aktiviti ini dijalankan bagi mewujudkan intergrasi di kalangan pemuzik di luar seperti di sekolah, maktab dan juga sektor kerajaan.

Oleh itu, kepada semua penggemar muzik, silalah datang bera-meramai-ramai ke Dewan Resital Sekolah Pengajian Seni bagi menyaksikan Konsert Koir ini.